



SIARAN MEDIA

ANJUNG KASIH HOSPITAL BINTULU DIRASMI, ANJUNG KASIH PERTAMA GUNA SISTEM PENGURUSAN DAN PENDAFTARAN DIGITAL

BINTULU, 3 Ogos 2026 – Premier Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg hari ini merasmikan Anjung Kasih Hospital Bintulu, iaitu Anjung Kasih ke-20 di Malaysia yang menyediakan kemudahan penginapan sementara secara percuma kepada waris pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital.

Kemudahan ini direalisasikan melalui kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), YKN, Hospital Bintulu serta Bintulu Port Holdings Berhad melalui Yayasan Bintulu Port.

Dibina hasil sumbangan RM1.9 juta daripada Bintulu Port Holdings Berhad melalui Yayasan Bintulu Port, Anjung Kasih Hospital Bintulu mencatat sejarah sebagai Anjung Kasih pertama di Sarawak yang ditaja sepenuhnya oleh syarikat korporat. Kemudahan ini turut menjadi Anjung Kasih pertama di Malaysia yang mengaplikasikan Anjung Kasih Management System bagi mempertingkatkan kecekapan dan memperkemas pengurusan penginapan waris pesakit.

Dalam ucapannya, Premier Sarawak berkata penggunaan Anjung Kasih Management System itu merupakan satu langkah ke hadapan dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

"Syabas atas inisiatif ini. Usaha ini juga selaras dengan aspirasi Kerajaan Sarawak dalam memperkasa pendigitalan penyampaian perkhidmatan demi manfaat rakyat," katanya.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi Yayasan Kebajikan Negara, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, berkata penubuhan Anjung Kasih Hospital Bintulu memperluaskan lagi kemudahan penginapan sementara kepada waris pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital kerajaan.

Beliau berkata, sejak diperkenalkan pada tahun 2006 sehingga Jun 2026, seramai 132,535 waris pesakit telah mendapat manfaat daripada kemudahan Anjung Kasih di seluruh negara.

Menurut beliau, KPWKM sentiasa komited memperkukuh agenda kebajikan negara melalui pelbagai dasar, program dan inisiatif yang memberi manfaat secara langsung kepada kumpulan sasar.

"Saya ingin mengajak lebih ramai syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat swasta, yayasan korporat dan organisasi yang berkeupayaan untuk bersama-sama YKN memperluaskan inisiatif kebajikan seperti Anjung Kasih. Saya percaya, semakin ramai yang berganding bahu, semakin ramai yang memerlukan dapat dibantu, selaras dengan semangat Whole of Society yang menekankan tanggungjawab bersama demi kesejahteraan masyarakat." katanya.

Anjung Kasih Hospital Bintulu menyediakan 25 bilik penginapan, termasuk sebuah bilik mesra Orang Kurang Upaya (OKU), dengan kapasiti sehingga 75 penghuni pada satu-satu masa. Kemudahan penginapan sementara yang disediakan secara percuma ini bertujuan meringankan beban waris pesakit dan keluarga yang menemani ahli keluarga mendapatkan rawatan di Hospital Bintulu.

##TAMAT##